

**Keputusan "Allah" akan diketahui bulan depan
Malaysian Insider
Sept 10 , 2013
OLEH V ANBALAGAN, PENOLONG PENGARANG BERITA**

Keputusan berhubung rayuan kerajaan untuk mengetepikan penggunaan kalimah Arab Allah akan diumumkan pada bulan hadapan, kata Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Seri Mohamad Apandi Ali.

Beliau berkata demikian selepas mendengar penghujahan daripada peguam kerajaan, peguam gereja Katolik dan peguam yang mewakili kumpulan Islam dalam bilik mahkamah yang padat.

Sebelum itu peguam mewakili Gereja Katolik Porres Royen berhujah menteri dalam negeri tidak mempunyai bukti mencukupi apabila membuat keputusan mengharamkan perkataan "Allah" dalam penerbitan Herald.

"Beliau tidak mempunyai bukti mencukupi untuk mengharamkan perkataan itu menggunakan alasan kepentingan negara dan ketenteraman awam," kata Porres.

Beliau mengatakan menteri itu juga meletakkan syarat tidak berpatutan terhadap penerbitan itu walaupun ianya ditujukan kepada Kristian.

"Pengharaman ini merupakan pencabulan terhadap hak yang dijamin Perlembagaan," kata Porres mempertahankan keputusan Mahkamah Tinggi pada 2009 yang memihak kepada gereja.

Sebelum itu Peguam Putrajaya Suzana Atan memberitahu panel tiga hakim Mahkamah Rayuan hari ini bahawa larangan itu diperintahkan kerana ia menyentuh sensitiviti agama Islam.

"Di negara ini, Allah ialah perkataan yang sensitif," katanya ketika berhujah untuk membalikkan perintah Mahkamah Tinggi pada 2009 yang membenarkan gereja menggunakan perkataan itu dalam bahagian bahasa Melayu Herald.

Populasi masyarakat Muslim di Malaysia kira-kira 60 peratus dan walaupun ini adalah negara sekular, Islam adalah agama rasminya.

Suzana turut menyentuh mengenai apa yang berlaku selepas Mahkamah Tinggi memutuskan perintah itu apabila berlaku kejadian seperti beberapa cubaan membakar gereja dan membaling kepala babi ke dalam masjid.

Kerajaan memfailkan dua afidavit, diperolehi daripada wartawan sebagai bukti baru untuk menyokong rayuannya.

"Pengharaman itu sebenarnya ialah tindakan awal Menteri," katanya.

Suzana berkata, perkataan kalimah "Allah" itu menimbulkan banyak kekeliruan di kalangan masyarakat Islam dan Kristian kerana ia membawa makna yang berbeza bagi kedua-dua kumpulan agama itu.

"Masyarakat Kristian percaya kepada Holy Trinity manakala bagi penganut Islam, hanya Allah Tuhan mereka," katanya.

Suzana berkata, menteri juga mempunyai budi bicara mutlak mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (PPPA) untuk mengenakan syarat ketika memberi kelulusan permit bagi penerbitan.

"Menteri boleh berbuat demikian untuk mengekalkan ketenteraman awam dan moraliti," katanya dan menambah PPPA memperuntukkan kepada Menteri untuk menggunakan budi bicara dalam mengenakan syarat.

Beliau berkata, Mahkamah Tinggi silap apabila ia memerintahkan bahawa ia perlu ada berlakunya persengketaan awam dan gangguan sivil.

Suzana berkata, menteri tidak bertindak seperti robot tetapi menggunakan kuasanya dengan adil.

Isu kalimah "Allah" bermula pada awal 2009 apabila Menteri Dalam Negeri pada ketika itu mengugut untuk menarik balik permit Gerald kerana menggunakan perkataan itu yang merujuk kepada God, Tuhan Kristian.

Tindakan itu menyebabkan Gereja Katolik menyaman kerajaan kerana mencemar hak perlembagaan mereka.

Pada 31 Disember 2009, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan semakan kehakiman gereja dan membatalkan larangan menteri dalam negeri terhadap penggunaan kalimah "Allah" dalam Herald.

Antara lain, hakim Lau Bee Lan berkata, gereja mempunyai hak perlembagaan untuk menggunakan kalimah Allah dalam akhbaranya berasaskan kepada agama selain daripada Islam boleh diamalkan dengan aman dan harmoni. – 10 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/keputusan-allah-akan-diketahui-bulan-depan>